

**TEKS PERBAHASAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022  
PENGGAL PERTAMA**

Salam sejahtera dan salam reformasi.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua DUN kerana sanggup memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

**Laksanakan Agenda Reformasi Dan Peduli Rakyat Pulau Pinang**

Isu-isu semasa/ Usul-usul dibangkit:

1. Dilarang merokok di kawasan pelancongan heritage dan premis makanan. Contohnya peranakan mansion adalah satu bangunan mempunyai kayu dan hiasan yang berwarna warni, kalau tempat situ merokok asap rokok boleh menyebabkan barang antik dihisap dan menyebabkan kebakaran berlaku.
2. Rakyat menghadapi kesesakan lalu lintas (traffic jam) dalam keadaan yang amat teruk, terutamanya pada waktu puncak pagi (0700-0900) dan waktu puncak petang (1730-1930) berada di lebuh Tun Lim Chong Eu.

Sumber dipetik [www.utusanborneo.com.my](http://www.utusanborneo.com.my)

Statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pulau Pinang, jumlah kenderaan terkumpul di negeri ini pada 2013 ialah 2,408,715 dan jumlah itu meningkat 3.8 peratus kepada 2,500,220 pada 2014. Pada 2015 jumlah itu meningkatkan lagi sehingga 2,556,735. Menurut statistik itu juga, pendaftaran baharu kenderaan bermotor pada Januari hingga September tahun lepas pula ialah 36,628 kenderaan dan daripada jumlah itu 25,353 adalah motosikal, 8,892 kereta, 74 bas, 87 teksi, 37 kereta sewa pandu sendiri, 1,770 kenderaan barang dan 415 lain-lain kenderaan.

3. Rakyat menghadapi tempat parkir kereta yang terhad dan tepi jalan secara suka hati menyebabkan kesesakan jalan lalu lintas.
4. Tempat parkir bas pelancongan yang terhad.

Cadangan/ Pandangan:

1. Setiap premis makanan perlu menyediakan satu tempat yang sesuai dan jarak tidak boleh kurang 3 meter dari premis makanan ,premis makanan perlu sedia dan menyediakan tong pasir untuk memadam rokok dan merancang tempat yang sesuai ( Designated Smoking Area).

Sumber di petik dari KKM web site

Dianggarkan rakyat 85% rakyat Malaysia merupakan golongan bukan perokok. Majority ini bukan perokok ini tidak berani untuk menyuarakan hak mereka sebagai bukan perokok. Untuk memperkasa bukan perokok mengekspresikan hak mereka bagi mendapatkan persekitaran bebas asap rokok dan paru-paru yang sihat.

2. Di kawasan heritage boleh merancang tempat menghisap rokok (Designated Smoking Area) tertentu sahaja. Merokok di kawasan larangan merokok dalam tempoh tiga bulan pertama larangan merokok heritage akan diberi amaran secara lisan oleh pegawai penguatkuasa undang-undang .Lepas tamat tempoh tindakan tegas akan diambil oleh pihak kuasa tersebut.

Sumber dipetik daripada Sinar Harian (28 mei 2022)

Keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) memperkenalkan akta khusus bagi menangani secara tuntas tabiat merokok dalam kalangan rakyat negara ini melalui strategi yang digelar Generational End Game (GEG) dilihat pakar dan aktivis sebagai tepat pada masanya. KKM dijangka membentangkan rang undang-undang itu di Parlimen pada Julai depan yang antara lain melarang generasi yang lahir selepas 2005 membeli dan memiliki sebarang produk berkaitan rokok dan tembakau termasuk rokok elektronik atau vape. Kajian Rokok Seludup Malaysia (ICS) yang

dijalankan oleh Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (CMTM) menunjukkan ada penurunan dari segi penjualan rokok haram, iaitu daripada 64.1 peratus pada Disember 2020 kepada 57.9 peratus pada Mei 2021.

3. Mencadangkan kerajaan negeri untuk membina tempat letak kereta yang bertingkat.
4. Kerajaan negeri dinasihatkan untuk merancang parkir bas perjalanan yang luas dan besar sedia menerima pelancong kumpulan yang besar.

Saya menyeru agar ahli EXCO Pulau Pinang perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dalam urus tadbir dan perancangan awal bagi mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang demi kesejahteraan rakyat. Saya pohon untuk menyokong.

Sekian, terima kasih.

**Tan Jian Jinn**

**N27 Pengkalan Kota**

**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

